

**PENDEKATAN ORIENTALIS DAN HERMENEUTIK DALAM PENAFSIRAN
AL-QURAN: KAJIAN TERHADAP ABRAHAM GEIGER DAN HANS-
GEORG GADAMER**

***Orientalist and Hermeneutical Approaches in Qur'anic Interpretation: A Study of
Abraham Geiger and Hans-Georg Gadamer***

NUR QISTINA BINTI ZULKEFLI*¹

ABSTRACT

This study examines the Qur'anic interpretative approaches of the orientalist Abraham Geiger and the philosopher Hans-Georg Gadamer. Geiger, representing the orientalist tradition, compares the Qur'an to Jewish religious texts. In contrast, Gadamer's hermeneutical framework emphasizes the role of historical consciousness and the dynamic interaction between the text, the author, and the reader in the process of understanding. The objective of this study is to critically analyze the similarities and differences in the interpretative approaches of these two thinkers. This study employs a qualitative research design, with data collected primarily through document analysis of scholarly sources, including books, journal articles, previous research, and online resources. The findings indicate that Geiger views the Qur'an as being influenced by Jewish traditions, while Gadamer argues that meaning emerges through continuous dialogue between the reader, text, and historical context. This study contributes to the academic discussion on Qur'anic interpretation by mapping the orientalist and hermeneutical approaches, offering insights into the fundamental differences between Islamic and Western intellectual traditions.

Keywords: *Qur'anic interpretation, Orientalist, Hermeneutics, Abraham Geiger, Hans-Georg Gadamer*

PENGENALAN

Tafsir al-Quran adalah cabang ilmu yang bertujuan untuk memahami, menjelaskan, dan menerangkan maksud kandungan kitab suci umat Islam. Secara terminologi, Imam al-Zarqani mendefinisikan tafsir sebagai ilmu yang mengkaji isi al-Quran, dengan tujuan untuk memahami makna dan maksudnya sesuai dengan kehendak Allah, sekadar kemampuan manusia memahaminya. Sementara itu, al-Zarkashi menyatakan bahawa

¹ Nur Qistina binti Zulkefli* (Corresponding Author) M.A. Postgraduate Candidate at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: p146946@siswa.ukm.edu.my

tafsir merupakan ilmu yang bertujuan untuk memahami isi kandungan al-Quran yang disampaikan kepada Rasulullah SAW mencakup penjelasan maknanya, dan penggalian hukum juga hikmah yang terdapat di dalamnya (Kaharuddin & Muh. Jauhari, 2021).

Kepentingan metodologi dalam tafsir juga tidak dapat dinafikan kerana ia menjadi asas dalam memastikan pentafsiran dilakukan dengan cara yang betul dan bertanggungjawab. Metodologi tafsir al-Quran merujuk kepada sebuah pendekatan yang teratur dan dirancang dengan baik bagi memperoleh pemahaman yang benar mengenai maksud yang hendak disampaikan dalam ayat-ayat al-Quran, termasuk makna lafaz-lafaz yang sukar difahami, sebagaimana yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW (Abd. Hadi, 2021). Menelusuri sejarah dan perkembangan tafsir, pelbagai pendekatan telah diperkenalkan, termasuk oleh sarjana Muslim dan orientalis Barat. Abraham Geiger dan Hans-Georg Gadamer adalah antara tokoh yang menonjol dalam memahami pendekatan tafsir al-Quran melalui sudut orientalis dan hermeneutik masing-masing.

Abraham Geiger (1810-1874) merupakan seorang ahli sejarah, tokoh agama, penulis, serta reformis agama Yahudi yang kuat pengaruhnya. Beliau dikenali melalui kajian mendalamnya ke atas Bible dan kitab suci Yahudi (Zulhamdani, 2017). Orientalis Yahudi pada abad ke-19 ini juga terkenal dengan usahanya dalam membandingkan teks-teks agama Islam dan Yahudi melalui karyanya iaitu “Was hat Mohammed aus dem Judenthume aufgenommen?”. Beliau menggunakan pendekatan kritik sejarah untuk menganalisis al-Quran, terutama dalam usaha menunjukkan pengaruh agama Yahudi terhadap teks al-Quran (Nihayatul Husna, 2017).

Di samping itu, Hans-Georg Gadamer, yang lahir di Marburg ini dikenali sebagai seorang tokoh kontemporari yang sangat berpengaruh dalam bidang hermeneutik. Melalui karya agungnya, *Kebenaran dan Metode: Sebuah Hermeneutik Falsafah* menurut garis besarnya, beliau diakui menjadi salah seorang ahli falsafah terkemuka dalam hermeneutik falsafah (Sofyan, 2014). Menurut Gadamer, hermeneutik adalah satu dialog antara pembaca, teks dan pengarang, di mana ia berlaku melalui satu proses yang disebut sebagai lingkaran hermeneutik (*hermeneutic circle*). Proses ini bermula dengan pra-pemahaman terhadap realiti yang ingin difahami, kerana tanpa pra-pemahaman ini, mustahil untuk mencapai pemahaman yang sebenar tentang teks tersebut (Said Subhan Posangi, 2020).

Kedua-dua pendekatan ini mengundang perdebatan penting dalam dunia akademik dan keagamaan, khususnya dalam membandingkan metodologi tafsir al-Quran yang digunakan oleh ulama Muslim dan sarjana Barat. Justeru, isu utama yang akan dianalisis dalam kajian ini meliputi biografi tokoh-tokoh serta metodologi tafsiran mereka terhadap al-Quran. Setiap persoalan dibahas secara ilmiah dan objektif, tanpa adanya sentimen atau prasangka terhadap agama atau tradisi tertentu. Fakta yang didedahkan menggunakan pelbagai sumber dalam bentuk kajian kepustakaan dan analisis dokumen.

BIOGRAFI ABRAHAM GEIGER

Abraham Geiger (1810-1874) adalah seorang individu yang produktif dalam menulis sejak usia muda (Lola Pertiwi, Taufik Rahman & Muhammad Syachrofi, 2023). Pada usia 17 tahun, beliau telah membandingkan aturan hukum dalam Mishnah, Bible, dan Talmud, serta mengembangkan kamus bahasa Ibrani-Mishnaic. Setelah melanjutkan pelajaran di Universiti Heidelberg dan Bonn, beliau mempelajari filologi, bahasa Syria, bahasa Yahudi, bahasa klasik, Bible, falsafah, arkeologi, bahasa Arab dan al-Quran (Nihayatul Husna, 2017).

Abraham Geiger juga merupakan seorang intelektual, *rabbi*, serta pengasas aliran Yahudi Liberal di Jerman, yang dilahirkan dalam sebuah keluarga ortodoks yang sangat ketat. Geiger mula menunjukkan kecemerlangannya di usia muda dengan memenangi pertandingan esei di Universiti Bonn pada tahun 1832 (Lenni Lestari, 2014). Eseinya, dengan tajuk “Was hat Mohammed aus dem Judenthume aufgenommen?” (Apa yang Muhammad Pinjam dari Yahudi?) ini telah mengukuhkan reputasinya sebagai ahli terkemuka dalam pelajaran dunia Timur. Karya ini juga menjadi landasan baginya untuk meraih gelar PhD di Universiti Marburg, selain diakui sebagai karya besar yang menawarkan analisis kritik sejarah tentang konsep asal-usul al-Quran (Taufikurrahman, 2020).

Geiger memutuskan untuk tinggal di Wiesbaden hingga tahun 1838, di mana beliau mendedikasikan dirinya untuk mengajar dan berdakwah. Pada tahun 1835, beliau mendirikan sekali gus menyunting *Wissenschaftliche Zeitschrift für Jüdische Theologie* (Jurnal Ilmiah untuk Teologi Yahudi). Beliau bukan sekadar seorang guru yang

menguasai keseluruhan 613 hukum agama Yahudi, bahkan merupakan pengasas dan tokoh utama reformasi Yahudi di Jerman. Beliau dikenali sebagai individu yang paling gigih dalam memperjuangkan gerakan tersebut hingga dikenali sebagai “The Founding Father of Reform Judaism”. Sepanjang hayatnya, Geiger berkomitmen untuk mengembangkan kajian ilmu-ilmu Yahudi (Hanifah Caraka Madya Ratri, 2023).

BIOGRAFI HANS-GEORG GADAMER

Hans-Georg Gadamer dikenali sebagai seorang ahli falsafah Jerman yang dilahirkan pada tahun 1900, dalam keluarga Protestan. Meski ayahnya seorang ahli kimia yang mengutamakan ilmu alam, Gadamer lebih memilih ilmu kemanusiaan, khususnya sastera dan falsafah (Hasyim Hasanah, 2017). Minat beliau ini mula terbentuk dari pembacaannya terhadap *Critique of Pure Reason*, yang dihasilkan oleh Immanuel Kant (Rahmatullah, 2017). Pendidikan tinggi beliau bermula pada tahun 1918 di Universiti Breslau sebelum melanjutkan ke Universiti Marburg. Melalui kedua-dua universiti ini, beliau mempelajari sastera, sejarah budaya, psikologi, dan pertama kali mengenali dunia falsafah, melalui tokoh-tokoh, antaranya Richard Honigswald dan Nicolai Hartmann (Muh. Hanif, 2017).

Salah satu karya penting Gadamer adalah *Wahrheit und Methode: Grundzüge einer Philosophischen Hermeneutik* (Kebenaran dan Metode: Sebuah Hermeneutik Falsafah menurut garis besarnya), yang diselesaikan pada tahun 1960. Melalui karya tersebut, beliau diakui sebagai ahli falsafah terkemuka dalam hermeneutik. Karya ini kemudian dialih bahasa dan disunting ke dalam bahasa Inggeris oleh Garrett Barden dan John Cumming. Penerbitannya yang pertama adalah pada tahun 1975 dengan tajuk *Truth and Method* (Said Subhan Posangi, 2020). Karya ini juga menjadi contoh dari model pentafsiran reproduktif dan produktif, kerana darinya muncul beratus artikel, berpuluh-puluh buku, disertasi, serta makalah seminar yang membahas berbagai aspek dari *Truth and Method* (Sofyan, 2014).

Sebagaimana diketahui, Gadamer berguru dengan beberapa ahli falsafah terkenal seperti Heidegger, Nicolai Hartmann, dan Rudolf Bultmann. Namun secara keseluruhan, pemikiran beliau sangat dipengaruhi oleh fenomenologi Heidegger (Hasyim Hasanah, 2017). Antaranya, pertemuan Gadamer dengan Heidegger telah

memberi pengaruh besar terhadap perkembangan pemikiran falsafahnya. Melalui Heidegger, Gadamer mengkaji konsep pra-struktur pemahaman yang erat kaitannya dengan *dasein* yaitu dimensi ontologi manusia (Rahmatullah, 2017). Namun, pemikiran Gadamer tentang hermeneutik, seperti yang diakuinya sendiri, secara khusus adalah inspirasi sekali gus respon terhadap pemikiran Dilthey dan Schleiermacher, di mana Gadamer menganggap mereka terlalu bersifat idealistik (Said Subhan Posangi, 2020).

METODOLOGI TAFSIR ORIENTALIS ABRAHAM GEIGER

Para pengkaji dari Barat mempunyai berbagai objektif dalam mengkaji al-Quran. Abraham Geiger, sebagai salah seorang orientalis, berusaha membuktikan bahawa al-Quran banyak dipengaruhi oleh ajaran tradisi Yahudi. Beliau menjelaskan bahawa sejumlah unsur dalam al-Quran memiliki persamaan dengan ajaran yang terdapat dalam agama Yahudi (Lola Pertiwi, Taufik Rahman & Muhammad Syachrofi, 2023). Hal ini dapat dilihat melalui beberapa metodologi yang dipegang oleh beliau dalam membuat kajian tentang al-Quran yang merupakan kitab suci paling utama bagi umat Islam ini.

1. Metode Kritik Sejarah

Menurut Sahiron Syamsuddin, orientalis menerapkan tiga pendekatan utama dalam kajian al-Quran, salah satunya adalah pendekatan kritik sejarah. Marshall menjelaskan bahawa pendekatan kritik sejarah melibatkan analisis terhadap isi suatu naratif atau cerita, dengan tujuan memahami peristiwa sebenar yang menjadi sebab sesuatu itu disebut di dalam sebuah penulisan. Kritik sejarah ini mencakup tiga aspek utama, iaitu analisis bentuk, pengarang, dan sumber. Maka dalam konteks ini, Abraham Geiger termasuk ke dalam kelompok mereka yang meneliti situasi dan keadaan masyarakat Arab sebagai sumber utama isi al-Quran (Lenni Lestari, 2014).

Melalui analisis perbandingan antara al-Quran dan kitab Talmud mahupun Torah (kitab suci ajaran Yahudi), serta melihat kepada pensejarahan dalam kedua-dua agama tersebut, Abraham Geiger menyimpulkan bahawa Nabi Muhammad SAW mengadaptasi ajaran-ajaran Yahudi dalam membangun Islam. Geiger juga berpendapat bahawa al-Quran merupakan cerminan pemikiran Nabi Muhammad tentang budaya serta keadaan masyarakat Arab pada zaman tersebut, di mana sebahagian besarnya dipengaruhi oleh ajaran-ajaran Yahudi yang telah berkembang sebelumnya. Pendekatan

ini lebih berlandaskan pada kajian konteks geografi dan budaya masyarakat di mana al-Quran diturunkan kepada Rasulullah (Nihayatul Husna, 2017).

Geiger mengemukakan pandangan ini berdasarkan beberapa alasan, termasuk hubungan erat Nabi Muhammad dengan sejumlah individu tersebut di sekitarnya. Antaranya, Abdullah bin Salam dan Waraqah, dua tokoh Yahudi yang terpelajar dan mahir dalam kitab suci serta bahasa Ibrani, yang akhirnya memeluk Islam. Selain itu, terdapat juga seorang tokoh atau raja Arab beragama Yahudi, Habib bin Maliki, yang kemudiannya menjadi pengikut Nabi Muhammad SAW. Menurut Geiger, hubungan ini menunjukkan bahawa Nabi Muhammad memiliki banyak peluang untuk berinteraksi dengan orang-orang Yahudi (Muhamad Mahfudin, 2021).

2. Metode linguistik

Geiger menyatakan bahawa 14 perkataan yang terkandung di dalam al-Quran adalah diambil dari bahasa Ibrani. Kata tersebut terdiri daripada *sakinah*, *taagut*, *furqan*, *ma'un*, *masani*, *malakut*, *darasa*, *tabut*, *jannatu 'adn*, *taurat*, *jahannam*, *rabbani*, *sabt*, dan *ahbar*. Beliau memberikan penerangan terhadap beberapa perkataan tersebut seperti berikut:

Tabut

Menurut Geiger, akhiran "ut" pada kata *tabut* menunjukkan bahawa istilah tersebut tidak datang melalui bahasa Arab, tetapi bahasa Ibrani dan berhubungan dengan tradisi Yahudi. *Tabut* memiliki beberapa makna dalam ajaran Yahudi, dan salah satunya berkait dengan kisah Nabi Musa AS, di mana ibunya meletakkannya di dalam sebuah perahu.

Jannatu 'Adn

Kosa kata tersebut membawa maksud kesenangan atau kebahagiaan dalam bahasa Arab, dan merujuk kepada salah satu syurga. Geiger menyatakan bahawa istilah tersebut sebenarnya terdapat juga di dalam bahasa Ibrani. *'Adn* menurut tradisi Yahudi adalah nama suatu wilayah yang ditempati oleh nenek moyang manusia, iaitu Adam dan Hawa, yang berupa kebun dengan pokok-pokok. Dalam kitab Injil, wilayah ini dikenali sebagai "Taman Eden." Seiring waktu, makna kata ini berkembang dan tidak lagi merujuk pada tempat tertentu, tetapi digunakan untuk menggambarkan konsep syurga. Namun, dalam praktiknya, bangsa mereka masih menganggap Taman Eden sebagai sebuah lokasi.

Jahannam

Istilah *Jahannam* juga diyakini datang dari tradisi Yahudi. Perkataan ini merujuk pada Lembah Hinnom, sebuah tempat yang dikenali sebagai simbol penderitaan. Oleh kerana itu, istilah *hinnom* kemudian berkembang kepada *gehinnom* pada kitab Talmud. Istilah ini digunakan untuk merujuk pada konsep neraka (Wendi Parwanto, 2019).

Rabbani

Rabbani adalah kata yang dianggap berasal daripada tradisi Yahudi kerana akhiran “an” pada kata *rabb*, yang bermaksud "Tuhan kami" atau "guru." Menurut Geiger, penggunaan akhiran “-an” pada kata-kata seperti ini merupakan sesuatu yang lazim dalam ajaran Yahudi.

Sabt

Istilah ini dikatakan oleh Geiger berasal dari bahasa Yahudi. Melalui kitab *Eksodus XVI: 1*, Ben Ezra menjelaskan pandangannya bahawa, lima nama hari dalam bahasa Arab adalah berasaskan angka, seperti Ahad (hari pertama), Isnain (hari kedua), dan seterusnya. Namun, hari keenam dikenali sebagai *Sabt*, yang dianggap sebagai hari suci dalam seminggu. Justeru, istilah *Sabbath* dalam bahasa Arab mengalami pertukaran fonetik di mana huruf Sin dilafazkan seperti *Samech* dalam bahasa Ibrani, kemudian disesuaikan mengikut penulisan mereka (Lola Pertiwi, Taufik Rahman & Muhammad Syachrofi, 2023).

3. Metode untuk Mengenal pasti Ayat-ayat Al-Quran yang Memiliki Persamaan dengan Yahudi

Taufikurrahman (2020) menjelaskan bahawa terdapat beberapa persamaan antara Islam dan Yahudi menurut Geiger dalam hal pandangan hidup, seperti:

- i. Keinginan untuk meninggal dalam keadaan *husnul khatimah* (baik) merupakan salah satu harapan dalam Islam, seperti firman Allah di dalam al-Quran (Ali Imran 3:193)

رَبَّنَا إِنَّا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلْإِيمَانِ أَنْ ءَامِنُوا بِرَبِّكُمْ فَآمَنَّا ۖ رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَقَّئْنَا
مَعَ الْأَبْرَارِ

Maksudnya:

“Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang Penyeru (Rasul) yang menyeru kepada iman, katanya: "Berimanlah kamu kepada Tuhan kamu", maka kami pun beriman. Wahai Tuhan kami, ampunkanlah dosa-dosa kami, dan hapuskanlah daripada kami kesalahan-kesalahan kami, dan matikanlah kami bersama orang-orang yang berbakti.”

Hal serupa juga terdapat dalam ajaran Yahudi, iaitu: *“Let me die the death of the righteous”*, yang tertulis dalam pernyataan Balaam.

- ii. Islam mengajarkan adab ketika melaksanakan sesuatu perjanjian, iaitu mengucapkan *“Insyallah”* ketika berkomitmen untuk melakukan sesuatu, begitu juga ajaran Yahudi. Allah berfirman di dalam al-Quran (Al-Kahfi 18:23-24)

وَلَا تَقُولَنَّ لِشَيْءٍ إِنِّي فَاعِلٌ ذَٰلِكَ غَدًا، إِلَّا أَن يَشَاءَ اللَّهُ ۚ وَأَذْكُرْ رَبَّكَ إِذَا نَسِيتَ وَقُلْ عَسَىٰ أَن
يَهْدِيَنِّي رَبِّي لِأَقْرَبَ مِنْ هَٰذَا رَشَدًا

Maksudnya:

“Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang hendak dikerjakan): "Bahawa aku akan lakukan yang demikian itu, kemudian nanti". Melainkan (hendaklah disertakan dengan berkata): "Insyallah". Dan ingatlah serta sebutlah akan Tuhanmu jika engkau lupa; dan katakanlah: "Mudah-mudahan Tuhanku memimpinku ke jalan petunjuk yang lebih dekat dan lebih terang dari ini".”

- iii. Dalam ajaran Yahudi, terdapat konsep balasan kebaikan, yang disebutkan dalam Baba Kamma 92. Konsep serupa juga tercermin dalam al-Quran (An-Nisa 4:85)

مَنْ يَشْفَعْ شَفْعَةً حَسَنَةً يَّكُنْ لَهُ نَصِيبٌ مِّنْهَا ۖ وَمَنْ يَشْفَعْ شَفْعَةً سَيِّئَةً يَّكُنْ لَهُ كِفْلٌ مِّنْهَا ۚ
وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا

Maksudnya:

“Sesiapa yang memberikan syafaat yang baik nescaya ia akan memperoleh bahagian (pahala) daripadanya; dan sesiapa yang memberikan syafaat yang

buruk, nescaya ia akan mendapat bahagian (dosa) daripadanya. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

4. Metode Penceritaan Kisah

Geiger juga berpendapat bahawa kisah-kisah dalam al-Quran dipengaruhi oleh tradisi Yahudi. Hal ini dianggap wajar kerana al-Quran dan kitab-kitab sebelumnya yang masih asli, merupakan wahyu Allah kepada nabi-nabi-Nya. Meski begitu, tidak semua isi cerita dalam al-Quran sama dengan Bible. Misalnya, umat Yahudi percaya Nabi Ishaq yang disembelih oleh Nabi Ibrahim AS, sedangkan umat Islam meyakini bahawa yang disembelih adalah Nabi Isma'il. Oleh kerana itu, persamaan antara cerita al-Quran dan tradisi Yahudi ada, tetapi tidak sepenuhnya sama, dan ini tidak dianggap sebagai kekurangan kerana cerita tersebut berasal dari wahyu Allah (Muhammad Tohir Ritonga & Pan Suadi, 2023).

Beliau membahagikan kisah-kisah dalam al-Quran yang menurutnya berasal dari tradisi Yahudi ke dalam beberapa bahagian utama. Pertama, kisah tentang kepemimpinan para nabi (patriark) yang diutus Allah kepada umat mereka, termasuk rentetan kisah dari Nabi Adam hingga Nabi Nuh, dari Nabi Nuh ke Nabi Ibrahim, dan dari Nabi Ibrahim ke Nabi Musa. Kedua, kisah yang berpusat pada kehidupan Nabi Musa. Ketiga, kisah tiga raja dengan kekuasaan besar, iaitu Raja Thalut, Nabi Daud, dan Nabi Sulaiman. Akhir sekali, kisah tentang individu-individu suci yang diutus selepas daripada era Nabi Sulaiman (Zulhamdani, 2017).

Secara keseluruhan, Abraham Geiger dalam metodologi beliau menekankan bahawa al-Quran dipengaruhi oleh tradisi Yahudi, berdasarkan analisis linguistik, perbandingan sejarah, dan persamaan naratif antara kedua-dua agama. Namun, dari sudut pandang Islam, pandangan ini perlu dikritik dengan teliti. Umum mengetahui bahawa al-Quran diyakini sebagai wahyu langsung daripada Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, yang bersifat universal, bebas daripada pengaruh manusia atau mana-mana tradisi sebelumnya.

Sementara itu, persamaan linguistik atau naratif yang dijumpai dapat dijelaskan sebagai sebahagian daripada kesinambungan wahyu ilahi sejak zaman Nabi Adam hingga Nabi Muhammad SAW, di mana semua kitab suci berasal daripada Tuhan yang

sama. Walau bagaimanapun, al-Quran juga menegaskan perbezaannya dengan kitab-kitab sebelumnya, termasuk pembetulan terhadap penyimpangan yang telah terjadi dalam tradisi Yahudi dan Kristian. Oleh itu, pandangan Geiger yang mendasarkan adaptasi al-Quran kepada tradisi Yahudi mengabaikan dimensi ilahi dan keunikan al-Quran sebagai mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW.

METODOLOGI TAFSIR HERMENEUTIK HANS-GEORG GADAMER

Secara etimologi, kata hermeneutik berasal dari bahasa Yunani, iaitu dari kata kerja *hermeneuein* yang memiliki erti menjelaskan, menterjemahkan, dan mengekspresikan. Kata benda terkaitnya, *hermeneia*, bererti tafsiran. Istilah *hermeneuein* dan *hermeneia* dalam tradisi Yunani kuno memiliki tiga pengertian utama: (1) "mengatakan" (*to say*), (2) "menjelaskan" (*to explain*), dan (3) "menerjemahkan" (*to translate*). Ketiga pengertian tersebut kemudian dirangkum dalam bahasa Inggeris dengan kata *to interpret*. Oleh kerana itu, interpretasi mencakup tiga aspek utama: pengungkapan secara penterjemahan dari satu bahasa ke bahasa lain (*a translation from another language*), lisan (*an oral recitation*), dan penjelasan logik (*a reasonable explanation*) (Sofyan, 2014).

Hans-Georg Gadamer mentakrifkan hermeneutik sebagai seni pemahaman yang bertujuan untuk memahami dengan tepat maksud yang disampaikan oleh seseorang melalui bahasa. Hermeneutik juga merupakan satu proses interpretasi yang menghasilkan kefahaman mendalam terhadap apa yang diungkapkan (Natasha Constantin & Fitzgerald Sitorus, 2024). Salah satu pendekatan hermeneutik yang diterapkan dalam mentafsir al-Quran adalah hermeneutik yang dikembangkan oleh Gadamer. Menurut pandangan Gadamer, hermeneutik falsafahnya didasarkan pada empat prinsip utama pemahaman, iaitu teori kesedaran sejarah-efektif, pra-pemahaman, penggabungan horizon teks dan pembaca, serta penerapan.

1. Teori Kesedaran Sejarah-Efektif

Menurut Gadamer, pemahaman pada hakikatnya merupakan hubungan sejarah efektif. Oleh kerana itu, untuk memahami karya teks, atau fenomena sejarah, seorang pembaca atau pentafsir harus menyedari keberadaan pengaruh sejarah yang selalu mengelilinginya. Terdapat berbagai faktor seperti kepentingan, tradisi, dan politik, yang

turut mempengaruhi pembaca dalam mendekati karya atau teks tradisional, meskipun sering kali tidak disadari oleh pembaca. Oleh kerana itu, tidak ada hasil penelitian yang benar-benar objektif dan terlepas dari pengaruh sejarah, kerana pemahaman pembaca terhadap teks selalu dipengaruhi oleh konteks sejarah yang melingkunginya (Moh. Isom Mudin et al., 2021).

2. Teori Pra-pemahaman

Pra-pemahaman (*prejudice*) pada seorang pentafsir merujuk kepada pengetahuan awal atau *prior knowledge* yang dimiliki oleh mereka dalam usaha memahami teks. Pra-pemahaman ini berfungsi sebagai titik permulaan dalam proses pentafsiran. Namun, ia harus bersifat terbuka, boleh dikritik, dan diperbaiki agar proses pemahaman dapat berlangsung dengan lebih mendalam dan objektif. Meskipun pra-pemahaman ini penting, pembaca perlu secara kritis menilai perspektifnya untuk mencapai pemahaman yang lebih tepat (Muh. Hanif, 2017). Seorang pentafsir perlu memahami makna teks terlebih dahulu atau memiliki gambaran pesan yang akan disampaikan agar relevan dengan dirinya dan zamannya. Dalam hal ini, interpretasi tidak bertujuan mencari objektiviti, melainkan mengungkap makna baru untuk masa depan. Proses pemahaman teks selalu dimulai dengan pra-pemahaman pembaca, yang digunakan untuk menghasilkan makna baru dari teks masa lalu, sehingga relevan bagi masa kini dan masa depan (Moh. Isom Mudin et al., 2021).

3. Teori Penggabungan Horizon

Hermeneutik Gadamer, sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya, berfokus pada persoalan pemahaman terhadap teks. Menurutny, pemahaman adalah proses saling berinteraksi antara teks dan pentafsir. Dalam hal ini, pemahaman terhadap teks mencakup segala aspek yang terkait, baik makna yang terkandung dalam teks itu sendiri mahupun faktor-faktor luaran yang melatarbelakangi kemunculannya. Selain itu, pemahaman yang dilakukan oleh pentafsir juga tidak dapat dipisahkan dari pengaruh sejarah yang membentuk dirinya. Oleh kerana itu, Gadamer mengajukan teori asimilasi horizon, iaitu proses penggabungan antara horizon makna dari teks dengan horizon pemahaman pentafsir (Moh. Alwy Amru Ghozali & Umi Kalsum, 2020).

Pembaca harus menggabungkan dua horizon, iaitu teks dan pembaca. Proses ini memerlukan dialog antara horizon-horizon tersebut agar ketegangan atau perbezaan di

antara keduanya dapat diatasi. Gadamer menekankan pentingnya keterbukaan pembaca terhadap horizon teks, memungkinkan teks "berbicara" dan memberikan pemahaman baru. Dialog antara kedua-dua horizon ini yang dimaksudkan Gadamer sebagai lingkaran hermeneutik (Muh. Hanif, 2017).

4. Teori Penerapan atau Aplikasi

Setelah melalui proses pemahaman dan pentafsiran ketika membaca kitab suci, terdapat satu aspek lain yang diperlukan, yang disebut sebagai penerapan pesan-pesan atau ajaran-ajaran yang relevan dengan konteks pada waktu teks kitab suci tersebut ditafsirkan. Menurut pandangan Gadamer, penerapan merupakan salah satu elemen penting dalam proses interpretasi. Pemahaman, pentafsiran, dan penerapan adalah tiga komponen yang saling berkait dan tidak boleh dipisahkan. Pemahaman sentiasa melibatkan pentafsiran, manakala pentafsiran juga merangkumi penerapan (Said Subhan Posangi, 2020).

PENGAPLIKASIAN TEORI

Keberhasilan metode hermeneutik moden dalam mentafsir Bible tampaknya telah menarik perhatian Amina Wadud, salah satu tokoh feminis Muslim kontemporari. Beliau menunjukkan minat untuk mengadaptasi pendekatan hermeneutik Gadamer sebagai salah satu metode tafsir kontemporari, terutama dalam mentafsirkan ayat-ayat yang dianggap memiliki bias gender. Menurut beliau, dalam konteks moden dengan struktur sosial yang berbeza, pentafsiran terhadap ayat tentang 'kepemimpinan' perlu disesuaikan. Ayat tersebut adalah sebagaimana firman Allah (Al-Quran, An-Nisa 4:34):

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ۚ فَالْصَّالِحَاتُ قَنَاطَتْ
حِظَّهُنَّ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۚ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ ۚ فَإِنْ
أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا

Maksudnya:

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya),

dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukul mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.”

Hal ini bertujuan agar ayat tersebut tidak menjadi statik dan bersesuaian untuk masa kini dan masa hadapan. Pentafsir perlu menggabungkan horizon keadaan teks masa lampau dengan horizon prasangka pentafsir berdasarkan konteks semasa. Seterusnya, pentafsir perlu mereproduksi makna teks supaya maksud ayat tersebut selaras dengan semangat moden (Moh. Isom Mudin et al., 2021).

Metodologi hermeneutik Hans-Georg Gadamer, yang menekankan penggabungan horizon antara teks dan pembaca, memiliki potensi untuk memperkaya tafsiran teks suci seperti al-Quran. Namun, dari sudut pandang Islam, pendekatan ini perlu dilihat secara kritis. Al-Quran adalah wahyu ilahi yang mutlak dan kekal relevan untuk semua zaman, sementara hermeneutik Gadamer menekankan pentingnya prapemahaman dan penerapan makna teks dalam konteks masa kini. Justeru, pendekatan ini berisiko menyangkal keaslian al-Quran jika tidak didasarkan pada prinsip-prinsip syariat yang kukuh. Misalnya, upaya menyesuaikan makna ayat di dalam Surah An-Nisa' 4:34 dengan mempertimbangkan konteks moden dapat membawa kepada penyimpangan dari maksud asal wahyu. Oleh itu, umat Islam khususnya perlu berhati-hati dan bersikap teliti dalam membuat pentafsiran, agar tidak melanggar kerangka akidah dan hukum Islam yang telah ditetapkan.

ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA METODOLOGI

Subtopik ini membincangkan perbandingan di antara metodologi tafsir orientalis yang dikemukakan oleh Abraham Geiger dan pendekatan hermeneutik yang dikembangkan oleh Hans-Georg Gadamer. Kedua-dua metodologi ini menawarkan perspektif yang berbeza dalam mentafsir teks, di mana Geiger lebih cenderung kepada analisis perbandingan al-Quran dan kitab suci agama Yahudi, manakala Gadamer mengutamakan pemahaman teks melalui dialog antara pembaca dan teks itu sendiri.

Perbandingan		
Persamaan	Kedua-dua tokoh tidak mentafsir 30 juzuk al-Quran sebagaimana tokoh yang lain, tetapi lebih menumpukan kepada pendekatan teoritikal dalam memahami teks. Kedua-duanya memperhatikan konteks sejarah dalam tafsiran teks, walaupun cara pendekatannya berbeza. Geiger lebih melihat sejarah luar iaitu pengaruh Yahudi terhadap al-Quran. Manakala Gadamer lebih melihat kepada pengaruh sejarah terhadap pembaca atau pentafsir.	
Perbezaan	Abraham Geiger	Hans-Georg Gadamer
Pendekatan	Pendekatan kritik sejarah dan perbandingan teks antara al-Quran dan tradisi Yahudi.	Dialog hermeneutik antara horizon teks dan horizon antara pembaca.
Fokus	Menunjukkan pengaruh agama Yahudi dalam al-Quran, dan memperlihatkan adaptasi Nabi Muhammad terhadap ajaran Yahudi.	Mencapai pemahaman teks melalui interaksi dan penggabungan antara perspektif pembaca dan makna yang terkandung dalam teks.
Sumber	Kitab-kitab Yahudi seperti Talmud dan Torah.	Teks itu sendiri dan konteks pembaca.
Peranan Teks	Al-Quran dipengaruhi oleh teks sebelumnya (kitab Yahudi).	Teks dianggap sebagai objek yang hidup, yang berdialog dengan pembaca. Interpretasi berkembang sepanjang masa.
Peranan Pembaca	Pembaca berperanan untuk menganalisis sumber luaran teks.	Pembaca membawa prasangka dan horizon mereka dalam pemahaman.

Contoh	Pemahaman ayat-ayat al-Quran di dalam agama Islam melalui tradisi Yahudi. Antaranya, semasa seperti yang perbandingan di antara ayat al-Quran seperti Ali Imran 3:193 dan pernyataan Balaam dalam tradisi Yahudi membawa kepada satu kesimpulan bahawa terdapat persamaan di antara ajaran-ajaran tersebut dalam hal pandangan hidup, iaitu keinginan untuk meninggal dalam keadaan baik.	Penerapan hermeneutik bagi memahami ayat-ayat al-Quran dalam konteks semasa seperti yang dilakukan oleh Amina Wadud ke atas Surah An-Nisa 4:34. Ayat tersebut ditafsir agar sesuai dengan struktur sosial yang telah berubah mengikut peredaran zaman, di mana wanita pada masa kini dikatakan telah sejajar, bahkan lebih hebat dari lelaki dalam memainkan peranan sebagai pemimpin.
--------	--	---

KESIMPULAN

Kesimpulannya, metodologi tafsir al-Quran oleh Abraham Geiger dan Hans-Georg Gadamer menampilkan dua pendekatan berbeza dalam memahami teks keagamaan. Geiger, melalui pendekatan kritik sejarah, berusaha menunjukkan pengaruh agama Yahudi terhadap al-Quran dengan menyoroti persamaan antara teks al-Quran dan kitab suci Yahudi. Sebaliknya, Gadamer, melalui hermeneutik falsafah, menekankan dialog antara teks dan pembaca yang dipengaruhi oleh pra-pemahaman serta penggabungan horizon untuk menghasilkan pemahaman yang relevan dengan konteks semasa. Pendekatan Geiger lebih berasaskan sejarah luar, manakala Gadamer memberi perhatian kepada interaksi dinamik antara teks dan pembaca. Kedua-dua kajian ini memberikan sumbangan penting kepada wacana tafsir dengan menjelaskan metodologi tafsir orientalis dan hermeneutik dalam memahami teks agama.

RUJUKAN

- Al-Quran.
- Constantin, N. & Sitorus, F. 2024. Hermeneutika, Makna dan Komunikasi dalam Perspektif Hans-Georg Gadamer. *KOMUNIKOLOGI: Jurnal Pengembangan Ilmu Komunikasi dan Sosial* 8(1): 72-81.
- Ghozali, M. a. A. & Kalsum, U. 2020. Mempertimbangkan Hermeneutik Gadamer sebagai Metode Tafsir (Telaah terhadap Teori Asimilasi Horison). *Dialogia* 18(1): 205-226.
- Hadi, A. 2021. *Metodologi Tafsir dari Masa Klasik Sampai Masa Kontemporer*. Salatiga, Indonesia: Griya Media.
- Hanif, M. 2017. Hermeneutika Hans-Georg Gadamer dan Signifikansinya terhadap Penafsiran al-Quran. *Maghza* 2(1): 93-108.
- Hasanah, H. 2017. Hermeneutik Ontologis-Dialektis Hans-Georg Gadamer. *Jurnal At-Taqaddum* 9(1): 1-33.
- Husna, N. 2017. Abraham Geiger; Pengaruh Ajaran Yahudi dalam Al-Qur'an. *Jurnal Cakrawala* 1(2): 39-56.
- Kaharuddin & Jauhari, M. 2021. Metodologi Tafsir dalam al-Qur'an. *Jurnal Ilmiah "Kreatif"* 19(2): 55-63.
- Lestari, L. 2014. Abraham Geiger dan Kajian Al-Qur'an. *Suhuf* 7(1): 41-60.
- Mahfudin, M. 2021. Muhammad dan Orisinalitas Al-Quran dalam Pandangan Abraham Geiger. *MAGHZA: Jurnal Ilmu Al-Quran dan Tafsir* 6: 135-150.
- Mudin, M. I., Fikri, M. D., Shobirin, M. M. & Mukharom, R. A. 2021. Hermeneutika Hans-Georg Gadamer: Studi Analisis Kritis Penafsiran Amina Wadud tentang Ayat Kepemimpinan *Intizar* 27(2): 113-126.
- Parwanto, W. 2019. Pemikiran Abraham Geiger tentang Al-Quran (Studi Atas Akulturasi Linguistik, Doktrin Dan Kisah Dalam Al-Qur'an Dari Tradisi Yahudi). *Ilmu Ushuluddin* 18(1): 50-60.
- Pertiwi, L., Rahman, T. & Syachrofi, M. 2023. Otentisitas al-Qur'an: Bantahan Pandangan Abraham Geiger terhadap Al-Qur'an. *Jurnal Riset Agama* 3(2): 282-295.
- Posangi, S. S. 2020. Dialog Antara Teks, Pengarang dan Pembaca (Kajian Terhadap Relevansi Hermeneutika Gadamer Dalam Studi Hukum Islam). *Jurnal Al-Himayah* 4(1): 185-200.
- Rahmatullah. 2017. Menakar Hermeneutika Fusion of Horizons H.G. Gadamer dalam Pengembangan Tafsir Maqasid Alquran. *Nun* 3(2): 149-168.
- Ratri, H. C. M. 2023. Masa Penciptaan Alam dalam Al-Quran (Studi Kritis Tafsir Orientalis Abraham Geiger. Skripsi, Usuluddin dan Falsafah, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Ritonga, M. T. & Suadi, P. 2023. Pemikiran Abraham Geiger tentang al-Quran. *Hibrul Ulama: Jurnal Ilmu Pendidikan dan Keislaman* 5(2): 124-129.
- Sofyan. 2014. Hermeneutika Gadamer dan Relevansinya dengan Tafsir. *Jurnal Farabi* 11(2): 109-123.
- Taufikurrahman. 2020. Pemikiran Abraham Geiger terhadap Al-Qur'an. *Jurnal Kajian Al-Quran dan Tafsir* 5(2): 17-28.
- Zulhamdani. 2017. Interaksi Al-Qur'an dengan Tradisi Pra-Quranik. *TAFSERE* 5(1): 31-44.